



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 47 /2021

HARTA ADALAH AMANAH ALLAH

28 Rabiul Akhir 1443 H

Bersamaan

03 Disember 2021

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang **penambahan** dan **pemindaan** terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwil Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، الَّذِي جَعَلَ الْأَمْوَالَ رَحْمَةً لِلْمُؤْمِنِينَ الشَّاكِرِينَ،
وَجَعَلَهَا اسْتِدْرَاجًا لِلْمُنْكَرِينَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْأَمِينُ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَاتَّبَاعِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ ،
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
إخواني المسلمین رحمکم اللہ،

Sempena dengan hari yang mulia ini saya berpesan kepada tuan-tuan serta diri saya sendiri, marilah kita sama-sama berusaha meningkatkan ketaatan dan ketaqwaan kepada Allah s.w.t dengan melaksanakan segala suruhanNya dan meninggalkan segala laranganNya. Sesungguhnya hanya orang-orang yang bertaqwa sahaja yang akan mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat. Tajuk khutbah pada hari ini ialah :

Harta Adalah Amanah Allah

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian!

Harta merupakan amanah Allah yang wajib diuruskan dengan baik mengikut landasan yang ditetapkan oleh syariat Islam. Ini adalah kerana, salah satu daripada empat perkara yang akan ditanya kepada setiap orang hamba di hari kiamat nanti ialah hartanya, iaitu: dari mana ia diperolehi dan ke mana ia dibelanjakan. Firman Allah dalam surah at-Taghabun ayat 15:

﴿١٥﴾ إِنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَاللَّهُ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ

Yang bermaksud: Sesungguhnya harta-benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan disisi Allah jualah pahala yang besar.

Justeru, menjadi tanggungjawab manusia untuk berusaha mencari dan mendapatkan harta sebagaimana yang diperintah oleh Allah s.w.t. Malah, rezeki yang diperolehi hasil usaha sendiri melalui jalan yang diharuskan oleh syarak merupakan rezeki yang paling baik berbanding dengan rezeki yang diperolehi dengan cara meminta-minta simpati orang lain. Sabda Rasulullah s.a.w:

مَا أَكَلَ أَحَدٌ طَعَامًا قَطُّ خَيْرًا مِنْ أَنْ يَأْكُلَ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ،

وَإِنَّ نَبِيَّ اللَّهِ دَاوُودَ عَلَيْهِ السَّلَامُ كَانَ يَأْكُلُ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ

(رواه البخاري)

Yang bermaksud: Makanan yang lebih baik untuk dimakan oleh seseorang adalah makanan yang hasil dari usaha tangannya sendiri dan sesungguhnya Nabi Allah Daud a.s. memakan makanan yang hasil dari usaha tangannya sendiri”

(H.R. Bukhari)

Sidang Jumaat yang dimuliakan Allah sekalian!

Harta juga merupakan wasilah atau alat bagi mendapatkan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Firman Allah dalam surah al Kahfi ayat 46:

الْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَالْبَاقِيَاتُ الصَّالِحَاتُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرًا أَمْلًا ﴿٤٦﴾

Yang bermaksud: Harta benda dan anak pinak itu, ialah perhiasan hidup di dunia; dan amal-amal soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.

Ayat ini menjelaskan bahawa harta kekayaan dan anak pinak yang ramai merupakan perhiasan dunia dan sumber kebahagiaan hidup. Namun begitu, amalan solih yang dikerjakan termasuk menggunakan harta ke jalan yang dituntut oleh syariat Islam itu lah yang lebih utama dan lagi diberkati.

Sidang Jumaat yang diberkati Allah sekalian!

Oleh itu perlu disedari bahawa harta yang diamanahkan oleh Allah perlu diuruskan mengikut syariat Islam. Antaranya ialah:

Pertama: Memastikan harta itu diperolehi melalui jalan yang halal, tiada unsur riba, penipuan, penyelewengan, khianat, rasuah dan sebagainya. Firman Allah dalam surah al Nisa' ayat 29:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً
عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا نَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾

Yang bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu.

Kedua: Memastikan harta tersebut juga dibelanja atau digunakan hanya pada perkara-perkara yang diredhai oleh Allah seperti mengeluarkan zakat, menunaikan ibadah haji, berwakaf dan bersedekah kepada golongan yang memerlukannya lebih-lebih lagi dalam situasi sekarang ini dan lain-lain. Firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 177:

وَعَاتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي
الرِّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَالْمُوفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا وَالصَّابِرِينَ فِي
الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ الْبَأْسِ أُولَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ ﴿١٧٧﴾

Yang bermaksud: dan mendermakan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang miskin, orang yang musafir, orang yang meminta-minta, orang yang memerdekakan hamba abdi; orang mendirikan sembahyang, serta mengeluarkan zakat, dan perbuatan orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka berjanji orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan kesakitan, dan dalam peperangan. Mereka itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang yang bertakwa.

Ketiga: Hindarkanlah diri dari membelanjakan harta pada jalan yang haram, bersifat bakhil, boros iaitu berlebih-lebihan dalam perbelanjaan melebihi keperluan. Sifat hamba yang beriman dan diredhai Allah ialah sifat bersederhana, tidak boros dan tidak bakhil. Firman Allah dalam surah al-Furqan ayat 67:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا ﴿٦٧﴾

Yang bermaksud: Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.

Kesimpulannya, uruskanlah harta yang dimiliki dengan cara yang betul supaya ia menjadi wasilah atau alat untuk mendatangkan kesenangan dan kebahagiaan dalam kehidupan dunia ini dan menerbitkan pula segala amal soleh bagi mendapatkan kesenangan dan kebahagiaan hidup di akhirat nanti.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَبْتَغِ فِي مَاءِ آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ۗ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنَ

كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ۗ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Yang bermaksud: Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan ".

(Surah Al Qasas -77)

بَارِكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،

وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،

وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ

وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ
مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ
السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفَى بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah selamatkan kami dan seluruh ummah Islam di mana jua mereka berada. Satukanlah persaudaraan dan perpaduan ummat Islam dengan ikatan yang erat dan kukuh. Mantapkanlah iman kami dan teguhkanlah pegangan kami menurut ahli sunnah wal jamaah, peliharakanlah kami dari amalan dan pegangan aqidah yang menyeleweng.

Ya Allah, bantu dan kasihilah kami dan seluruh ummat Islam dari kesusahan, wabak dan bala bencana. Lenyapkanlah wabak covid 19 dari bumiMu ini Ya Allah.. Ya Rahman.. Ya Rahim..

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.